

D.R. 24/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG I'NDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen. dan dengan kuasa dan padanya. seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim 'Pmdaani 1994 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuaaa pada Ihb Julai 1994. Tajuk
dan mula
berkuatkuasa
2. Akta Saraan Hakim 1971. yang disebut "Akta ibu" dalam Akta mi. adalah dipinda dalam seksyen 1 A dengan mengganukan takrif "Hakim" dengan takrif yang berikut: Pindaan

' "Hakim" ertirna Hakim Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi dan termasuklah Ketua Hakim Negara. Presiden dan Hakim Besar:'.
3. Perenggan 8(b) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Mahkamah Persekutuan" perkataan ". Mahkamah Rayuan". Pindaan
seksyen8

Pindaan
seksyen SB.

4. Seksyen SB Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "Mahkamah Persekuiuan" perkataan ", Mahkamah Rayuan"; dan
- (b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "Hakim-hakim Besar" perkataan ", Presiden".

Pindaan
seksyen 8c.

5. Seksyen 8c Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Mahkamah Persekutuan" perkataan ", Mahkamah Rayuan".

Pindaan
seksyen 9

6. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dan di mana-mana jua terdapat dengan memasukkan selepas perkataan "Ketua Hakim Negara" perkataan ", Presiden"; dan
- (b) dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan "kedua-dua" dengan perkataan "kesemua".

Pindaan
seksyen 15B

7. Subseksyen 15B(5) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) seorang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan atau Presiden atau Hakim Besar; atau".

Pindaan
Jadual
Pertama

8. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas butiran 1 butiran yang berikut:

	(1) <i>Hakim</i>	(2) <i>Gaji</i> <i>(berpencen)</i>	(3) <i>Tarikh Mula</i> <i>Berkuatkuasa-</i>
1A.	Presiden Mahkamah Rayuan	RM10370.00 sebulan	1-7-1994 "; dan

(b) dengan memasukkan selepas butiran 4 butiran yang berikut:

(1)	(2)	(3)
<i>Hakim</i>	<i>Gaji (berpencen)</i>	<i>Tarikh Mula Berkuatkuasa</i>
4A. Hakim Mahkamah Rayuan	RM9265.00 sebulan	1-7-1994

9. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual
Kedua.

(a) dalam perenggan "1. TEMPAT TINGGAL"—

(i) dengan memasukkan selepas subperenggan 1 subperenggan yang berikut:

(1)	(2)
<i>Hakim</i>	<i>Tarikh Mula Berkuatkuasa</i>
1A. Presiden Mahkamah Rayuan—	1-7-1994
(i) rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap, atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM2500.00 sebulan; dan	
(ii) seorang <i>butler</i> , dua orang tukang kebun dan seorang penjaga rumah dan peruntukan sebanyak RM1500.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman	"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan 2 subperenggan yang berikut:

(1)	(2)
<i>Hakim</i>	<i>Tarikh Mula Berkuatkuasa</i>
2A. Hakim Mahkamah Rayuan—	1-7-1994
(i) rumah khas jabaian percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma. atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM2250.00 sebulan; dan	
(ii) seorang <i>butler</i> dan seorang penjaga rumah dan peruntukan sebanyak RM1500.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman	

(b) dalam perenggan "2. ELAUN KERAIAN"—

(i) dengan memasukkan selepas subperenggan 1 subperenggan yang berikut:

(1)	(2)	(3)
<i>Hakim</i>	<i>Amaitn</i>	<i>Tarikh Muia Berkuatkuasa</i>
1 A. Presiden Mahkamah Rayuan	RM3150.00 ;,ebulan	1 -7-1994 ": dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan 4 subperenggan yang berikut:

	CD	(2)	(3)
	<i>Hakim</i>	<i>Amaun</i>	<i>Tarikh Mula Berkuatkuasa</i>
4A.	Hakim Mahkamah Rayuan	RM2900.00 sebulan	1-7-1994 ";

- (c) dalam subperenggan "12. (a) *Cuti Rehat*"—

- (i) dengan memasukkan sebelum perkataan "Hakim Besar" dalam subsubperenggan (ii) perkataan "Presiden,"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas subsubperenggan (ii) subsubperenggan yang berikut:

"(iia) bagi Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan. Presiden,"; dan

- (d) dalam perenggan "17. ELAUN KHAS KEHAKIMAN"—

- (i) dengan memasukkan selepas subperenggan 1 subperenggan yang berikut;

	(1)	(2)	(3)
	<i>Hakim</i>	<i>Amaun</i>	<i>Tarikh Mula Berkuatkuasa</i>
IA.	Presiden Mahkamah Rayuan	RM3000.00 sebulan	1-7-1994 "; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan 4 subperenggan yang berikut:

	(1) <i>Hakim</i>	(2) <i>Amaun</i>	(3) <i>Tarikh Mula Berkuatkuasa</i>
4A.	Hakim Mahkamah Rayuan	RM2450.00 sebulan	1-7-1994

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Saraan Hakim 1971 berikutan dengan penubuhan Mahkamah Rayuan di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "Hakim" supaya meliputi Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan dan Presidennya.

3. *Fasal 8* dan *9* bertujuan meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua masing-masingnya untuk mengadakan peruntukan bagi gaji dan elaun yang kena dibayar kepada Presiden dan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan.

4. Pindaan-pindaan lam yang tidak disebut secara khusus ialah pindaan-pindaan berbangkit yang berbangkit daripada penubuhan Mahkamah Rayuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U) 1831.]